

MEMPERKASAKAN PENGURUSAN ENDORSAN HAK MILIK TANAH RIZAB MELAYU

STRENGTHENING THE MANAGEMENT OF OWNERSHIP ENDORSEMENTS FOR MALAY RESERVED LAND

Aminah Mohsin^{1*}, Mohd Shahril Yaakob² and Nur Berahim³

^{1,3}Land Administration and Development Studies (LAnDS) Group, Real Estate Department, Faculty of Built Environment and Surveying, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia

²Land Development Unit, Gombak Land and District Office, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: aminahmohsin@utm.my

Published online: 30 April 2025

To cite this article: Aminah Mohsin, Mohd Shahril Yaakob and Nur Berahim. 2025. Memperkasakan pengurusan endorsan hak milik tanah rizab Melayu. *Kajian Malaysia* 43(1): 279–300. <https://doi.org/10.21315/km2025.43.1.13>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2025.43.1.13>

ABSTRACT

Malay Reservation Land is a special ground as it can be used and managed by only the Malays. Malay Reservation Land exists in each area that is gazetted and declared perfectly in compliance with the Malay Reservation Enactment in 1933. The ownership within the Malay Reservation Land area must be endorsed as Malay Reservation Land as the matter is clearly stated in accordance with the provisions of Section 6 of the Malay Reservation Enactment. However, almost 100 years after Malay Reservation Enactment 1933 came into force, the issue of non-endorsement of ownership still exists based on audit findings. So, this study was conducted to strengthen the management of Malay Reservation Land ownership endorsement by identifying the issues arising in the implementation of Malay Reservation Land endorsement and then studying the solution methods for the implementation of Malay Reservation Land endorsement. This study uses a qualitative design using two data sources. Secondary data were obtained with reference to previous studies, articles, journals and related acts. Meanwhile, primary data were obtained from face-to-face interviews with selected respondents. Then, the data were analysed using content analysis and descriptive analysis. The results showed that there were four issues encountered in the implementation of Malay Reservation Land

endorsement, namely lack of understanding of Malay Reservation Enactment provisions, lack of commitments regarding endorsement implementation, technical staff requirements, and incomplete Malay Reservation Land gazetting records. To overcome these issues, three solutions to strengthen the management endorsement of Malay Reservation Land ownership have been proposed, namely providing understanding and commitment through the involvement of top management, placing an assistant land officer in the registration unit, as well as updating data in collaboration with external departments and re-measuring the Malay Reservation Land area. The findings of this study can support the effective management of Malay Reserve Land ownership endorsement to ensure that Malay Reservation Land will continue to be used under the grip of the Malays.

Keywords: endorsement, implementation issues, land management, Malay reserve land, solutions

ABSTRAK

Tanah Rizab Melayu (TRM) merupakan tanah yang istimewa kerana hanya boleh dimiliki dan diuruskan oleh orang Melayu sahaja. TRM wujud apabila sesuatu kawasan itu diwartakan dan diisytiharkan dengan sempurna mengikut Enakmen Rizab Melayu ERM 1933. Hak milik yang berada dalam kawasan TRM hendaklah diendors sebagai TRM memandangkan perkara berkenaan termaktub dengan jelas mengikut peruntukan Seksyen 6 ERM 1933. Namun selepas hampir 100 tahun ERM 1933 berkuat kuasa, isu ketiadaan endorsan pada hak milik masih lagi berlaku berdasarkan penemuan audit. Maka kajian ini dilakukan bagi memperkasakan pengurusan endorsan hak milik TRM dengan mengenal pasti isu yang timbul dalam pelaksanaan endorsan TRM dan seterusnya mengkaji kaedah penyelesaian bagi pelaksanaan endorsan TRM. Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan dua sumber data. Data sekunder diperoleh dengan merujuk kajian-kajian lepas, artikel, jurnal dan akta yang berkaitan. Manakala data primer didapati daripada temu bual bersemuka bersama responden yang terpilih. Kemudian, data-data tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif. Hasil kajian menunjukkan terdapat empat isu yang dihadapi dalam pelaksanaan endorsan TRM iaitu ketidakfahaman terhadap peruntukan ERM, kurang komitmen berkenaan pelaksanaan endorsan, keperluan kakitangan teknikal dan rekod pewartaan TRM yang tidak lengkap. Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, tiga penyelesaian bagi memperkasakan pengurusan endorsan hak milik TRM telah dicadangkan iaitu dengan meningkatkan kefahaman dan komitmen melalui penglibatan pengurusan atasan, menempatkan penolong pegawai tanah di unit pendaftaran,

pengemaskinian data dengan kerjasama jabatan luar dan pengukuran semula kawasan TRM. Dapatan kajian ini dapat menyokong pengurusan endorsan hak milik TRM yang efektif bagi memastikan TRM akan terus berada di bawah pegangan orang Melayu.

Kata kunci: endorsan, isu pelaksanaan, pengurusan tanah, Tanah Rizab Melayu, penyelesaian

PENDAHULUAN

Undang-undang Tanah Rizab Melayu (TRM) diperkenalkan pada 1 Januari 1914 apabila Enakmen Rizab Melayu (ERM) 1913 berkuatkuasa di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang (INSTUN 2015). Pada 15 Disember 1933, ERM 1913 ini telah dimansuh dan digantikan dengan ERM 1933 yang kemudiannya disemak dan diterbitkan semula pada tahun 1935 sebagai ERM (Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Bab 142) dan digunakan hingga ke hari ini. Negeri lain kemudiannya telah mewujudkan ERM masing-masing iaitu ERM Kelantan 1930, ERM Kedah 1931, ERM Perlis 1935, ERM Johor dan ERM Terengganu 1941.

TRM ialah tanah yang istimewa kerana hanya boleh dimiliki, dipegang dan diuruskan oleh orang Melayu sahaja. Menurut INSTUN (2015), terdapat dua objektif pelaksanaan TRM iaitu menyekat tanah kerajaan yang berada di dalam kawasan rizab Melayu daripada dilupuskan dengan apa cara sekali pun kepada bukan Melayu dan juga menyekat pegangan Melayu atau TRM daripada dibuat apa-apa urusan niaga persendirian antara Melayu dan bukan Melayu.

Terdapat beberapa isu yang telah dibangkitkan dalam kajian akademik terdahulu mahupun laporan akhbar mengenai TRM seperti halangan bagi membangunkan TRM (Azima et. al. 2015; Mohamed Khairi dan Mazlan 2018), kemerosotan keluasan TRM (Nor Asiah dan Bashiran 2009; Rohayati dan Rusnadewi 2014; NurNabihah 2016) dan kelemahan pengurusan TRM oleh agensi kerajaan (Ruwaida 2020).

Kajian ini pula tertumpu pada isu kelemahan pengurusan endorsan TRM sebagaimana yang dilaporkan oleh Ruwaida (2020) dalam akhbar *Harian Metro* mengenai dakwaan pertubuhan bukan kerajaan tentang ketidakberkesanan pengurusan TRM yang menyebabkan ada tanah rizab yang dipindah milik kepada bukan Melayu tanpa pengetahuan pihak berwajib. Hal ini berlaku kerana hak milik TRM ini tidak diuruskan dengan berkesan seperti ketiadaan endorsan yang secara tidak langsung memberi peluang kepada pemilik asal untuk menjual tanah

berkenaan kepada orang bukan Melayu. Pastinya penjualan ini dapat dielakkan sekiranya endorsan TRM tercatat pada dokumen hak milik berkenaan. Sebarang pindah milik tidak akan berlaku memandangkan Seksyen 8 ERM telah menyatakan dengan jelas berkenaan sekatan berhubung dengan pindah milik, gadaian dan pajakan.

Tambahan pula, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang, Sepang dan Kuala Selangor juga telah ditegur dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 apabila semakan audit terhadap 57 dokumen hak milik mendapati sebanyak 9 (15.8%) daripadanya tidak dimasukkan maklumat seperti yang ditetapkan. PDT sepatutnya mengendors maklumat yang berkaitan sekiranya tanah tersebut berada dalam kawasan TRM selaras dengan Seksyen 170 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 seperti nombor pemberitahuan warta dan tarikh pewartaan pada muka pertama dokumen hak milik berkenaan.

Selain daripada itu, kerajaan negeri juga terdedah kepada risiko tindakan undang-undang seperti mana dalam kes *Fasjaya Sdn. Bhd. melawan Kerajaan Negeri Selangor, Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan PDT Klang*. Selain daripada itu, kerajaan negeri juga terdedah kepada risiko dicabar di mahkamah berikutan kelewatan pengendorsan TRM seperti dalam kes *AGA Development Sdn Bhd vs Kerajaan Negeri Selangor & Ors* [2024] MLJU 3052. Dalam kes ini, plaintif memohon kepada Mahkamah Tinggi Shah Alam satu deklarasi bahawa tanah miliknya bukan TRM menurut Enakmen Rezab Melayu 1933. Setelah plaintif digulungkan, pihak pelikuidasi mendapati tanah plaintif diklasifikasikan sebagai TRM melalui carian hakmilik pada tahun 2021. Namun carian hakmilik pada tahun 2018, 2019 dan 2020 tidak menunjukkan tanah tersebut diklasifikasikan sebagai TRM. Keputusan mahkamah telah memihak kepada plaintif kerana tiada memorial atau pengendorsan dibuat di dalam dokumen hakmilik tanah. Kes ini menunjukkan implikasi yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri berikutan kelemahan pengurusan dan pelaksanaan prosedur endorsan TRM. Kelewatan menyelesaikan proses endorsan TRM serta tidak ketiadaan catatan dalam dokumen hakmilik mengakibatkan status TRM ini dicabar di mahkamah. Hal ini kerana menurut sistem torrens, maklumat yang didaftarkan di dalam dokumen hakmilik membuktikan pemilikan eksklusif pemiliknya.

Endorsan TRM di bawah Seksyen 6 ERM hanya boleh dibuat apabila tanah tersebut dipindah milik kepada orang Melayu kerana hanya TRM pegangan Melayu sahaja boleh dimasukkan endorsan TRM. Namun adalah menjadi kesukaran PDT untuk memasukkan endorsan berkenaan pada dokumen hak milik memandangkan tidak ada peringatan atau maklumat di mana-mana bahagian pada dokumen yang menunjukkan bahawa tanah tersebut berada dalam kawasan TRM.

Oleh itu, orang Melayu yang memiliki tanah di dalam kawasan TRM masih boleh membuat urus niaga dengan orang bukan Melayu kerana hanya tanah pegangan Melayu sahaja yang terikat dengan peruntukan Seksyen 8 ERM iaitu sekatan pindah milik TRM kepada orang bukan Melayu. Sekiranya dibiarkan terus berlaku, perkara ini boleh menyebabkan TRM pegangan orang Melayu semakin berkurangan.


Berdasarkan masalah-masalah di atas, satu kajian perlu dilaksanakan untuk mengkaji isu dan masalah pelaksanaan endorsan TRM yang dihadapi oleh PTGS atau PDT seperti yang diperuntukkan dalam ERM dan KTN 1965.

PROSEDUR ENDORSAN TRM

Prosedur endorsan TRM bermula setelah sesuatu kawasan TRM diisytiharkan dan diwartakan dengan sempurna di bawah ERM. Berdasarkan warta dan pelan, maka pelukis pelan yang bertugas di unit pelan, PDT akan menyenaraikan lot-lot yang terlibat bagi sesuatu kawasan TRM setelah menyemak dan menanda dalam pelan syit atau *echarting*. Pelukis pelan kemudiannya akan mengemukakan laporan kepada penolong pegawai tanah (PPT) untuk tujuan pengesahan dan penyediaan laporan atas tapak. Laporan PPT ini kemudiannya akan dikemukakan kepada pentadbir tanah di unit pelupusan atau unit pembangunan, PDT untuk tujuan semakan. Berdasarkan pengesahan PPT yang menyatakan dalam laporannya bahawa sesuatu lot itu berada dalam kawasan TRM, maka pentadbir tanah akan mengemukakan Borang A di Jadual Pertama seperti yang terdapat dalam ERM kepada pendaftar untuk membuat catatan atau endorsan pada hak milik perihal kemasukan tanah-tanah itu ke dalam kawasan TRM. Selepas Borang A diserahkan kepada pendaftar, maka tindakan selanjutnya perlu dilaksanakan oleh pihak pendaftar.

Seksyen 6 ERM menyatakan tentang peranan pendaftar untuk memasukkan endorsan TRM ke dalam hak milik bagi mana-mana tanah yang telah diwartakan dalam sesuatu kawasan TRM. Pendaftar hendaklah membuat catatan pada senarai hak milik perihal kemasukan sesuatu tanah ke dalam rizab Melayu. Pada masa yang sama, pendaftar juga hendaklah melalui notis Borang B di Jadual Pertama meminta tuan punya atau sesiapa sahaja yang menyimpan dokumen hak milik keluaran bagi tanah itu untuk menyerahkannya. Selepas penyerahan, pendaftar hendaklah membuat peringatan yang serupa ke atas dokumen hak milik keluarannya seperti yang telah dibuat ke atas dokumen hak milik daftar bagi tanah itu.


Seksyen 6(ix) ERM turut menyatakan bahawa mana-mana orang dengan sengaja gagal mematuhi peruntukan sesuatu notis yang telah disampaikan kepadanya hendaklah dikenakan denda sebanyak RM100. Rajah 1 menunjukkan carta alir prosedur endorsan daripada mula kawasan TRM diisytiharkan dan diwartakan dengan sempurna sehingga proses endorsan dilaksanakan pada hak milik.



Rajah 1: Proses endorsan kawasan TRM.

MASALAH DALAM PENGURUSAN ENDORSAN TRM

Menurut Mohd Hasrol (2019), terdapat beberapa isu dan masalah pengurusan TRM seperti kelemahan dalam aspek pengurusan, kekurangan maklumat atau data, kekangan masa kakitangan dan kelemahan kerja-kerja pemantauan pengurusan tanah. Akibat daripada isu dan masalah tersebut, terutamanya yang melibatkan kesilapan rekod dan daftar telah menyebabkan TRM tidak diendorskan sebagai “kawasan simpanan Melayu” dan menyebabkan TRM tersebut boleh diurus niaga dengan bukan Melayu. Rajah 2 merupakan rumusan faktor-faktor penyebab kehilangan dan penyusutan TRM di Semenanjung Malaysia.



Rajah 2: Rumusan kehilangan dan penyusutan TRM.

Sumber: Mohd Hasrol (2017)

Kelemahan Aspek Pengurusan

Pengurusan tertinggi dan pemegang taruh di negeri dan daerah perlu memperbaiki kelemahan seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 berkaitan dengan prestasi penggantian TRM yang tidak memuaskan (Jabatan Audit Negara 2013). Oleh yang demikian, pihak kerajaan negeri perlu mencari jalan penyelesaian bagi menggantikan TRM yang dibatalkan dan seterusnya melaksanakan endorsan TRM tersebut.

Kekurangan Maklumat dan Data

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat, maklumat adalah suatu keterangan atau butir-butir mengenai sesuatu ataupun pengetahuan. Dalam hal ini, kepentingan penjagaan dan ketepatan maklumat TRM adalah penting kerana penjagaan data seperti salinan warta dan pelan maklumat TRM yang teratur perlu diberi perhatian penuh oleh pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan data TRM ekoran TRM merupakan salah satu kaedah dalam menjaga kepentingan orang-orang Melayu di negara ini (Nur Rafhanah 2015).

Kekangan Masa Kakitangan

Kakitangan di daerah-daerah PDT Selangor merupakan aset penting dalam melaksanakan pentadbiran terutamanya pentadbiran berkaitan tanah. Akhbar *Sinar Harian* turut melaporkan bahawa pihak pelaksana dasar dan penjawat awam di negeri dan daerah masih kurang dan perlu ditambah ekoran tiada perjawatan yang diisi (Ismail 2019).

Kesan daripada kekurangan kakitangan ini menyebabkan setiap kakitangan memerlukan masa untuk menyiapkan tugas dan hal ini turut disokong oleh kenyataan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda yang mengatakan hasil kajian beberapa universiti serta badan bebas mendapati lebih 400,000 penjawat awam di negara ini berdepan dengan stres yang berpunca daripada pelbagai faktor seperti persekitaran kerja, arahan majikan, kos kewangan atau beban kerja yang ditanggung (*Utusan Borneo Online* 2019). Oleh yang demikian, kekangan masa kakitangan PDT dalam melaksanakan tugas hakiki turut menjejaskan pelaksanaan endorsan TRM.

Kelemahan Kerja-kerja Pemantauan Pengurusan

Laporan yang disediakan oleh Jabatan Audit Negara Malaysia (2013) menyatakan bahawa kerja-kerja pemantauan pengurusan tanah oleh pegawai penyelia kurang memuaskan. Akibat daripada kelemahan pemantauan tersebut TRM tidak diendorskan sebagai “kawasan simpanan Melayu” dan menyebabkan TRM boleh diurus niaga dengan bukan Melayu. Kelemahan pengurusan juga turut melibatkan isu kelewatan memproses pewartaan. Menurut Jabatan Audit Negara Malaysia (2019), semakan audit berkaitan tempoh proses warta TRM di Perak mendapati ada yang mengambil masa 20 tahun hingga 28 tahun untuk disempurnakan. Hal ini berlaku kerana tiada Prosedur Operasi Standard di PTG mengenai penetapan tempoh masa bagi setiap peringkat atau fasa dalam proses pewartaan, selain terdapat kesilapan nama kawasan, pertindihan kawasan, kesilapan ukuran dan perubahan syarat kelulusan yang memerlukan kes tersebut dibawa semula untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

IMPLIKASI ENDORSAN TANAH RIZAB MELAYU

Terdapat tiga kesan endorsan TRM pada hak milik iaitu kesan pada pembangunan, sekatan dari segi urus niaga dan sekatan dari segi bukan urus niaga.

Pembangunan

Hak milik yang telah dilaksanakan endorsan TRM boleh dibuat pembangunan tanah seperti pecah sempadan, pecah bahagian dan penyatuan. Pecah sempadan menurut subsekyen 135(1) KTN 1965 ialah pemecahan sempadan tanah berimilik kepada dua atau lebih umpukan dan tiap-tiap satu hak milik dipegang oleh pemilik berdaftar di bawah hak milik berasingan dan pemecahan sempadan tanah tersebut dikekalkan dengan kegunaan tanah yang sama (Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor bilangan 1/2018).

Pecah bahagian pula menurut subseksyen 140(1) KTN 1965 merujuk kepada mana-mana tanah berimilik yang dipegang oleh dua orang atau lebih orang sebagai pemilik berdaftar tanah bersama dipecah bahagikan kepada hak milik berasingan untuk diletak hak kepada tuan punya masing-masing. Jumlah keluasan pembahagian tanah hendaklah berkadar sehampir yang mungkin dengan bahagian keseluruhannya yang belum dipecahkan (Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor bilangan 1/2018).

Penyatuan merujuk subseksyen 146(1) KTN 1965 bermaksud penyatuan tanah mana-mana dua atau lebih lot yang berdampingan disatukan, dan setiap satu tanah tersebut berkongsi sempadan yang sama dengan tanah yang satu lagi dan lot-lot tersebut adalah terletak dalam mukim, pekan atau bandar yang sama (Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor bilangan 1/2018).

Sekatan dari Segi Urus Niaga

Urus niaga mengikut tafsiran KTN 1965 ialah apa-apa transaksi berkenaan dengan tanah berimilik yang dikuatkuasakan di bawah kuasa-kuasa yang diberi oleh Divisyen IV dan apa-apa transaksi yang serupa yang dikuatkuasakan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang terdahulu tetapi tidak termasuk mana-mana kaveat atau perintah larangan. Urusan urus niaga mengikut Bahagian 14 hingga 17 KTN 1965 yang dibaca bersekali dengan TRM merangkumi empat perkara iaitu pindah milik, gadaian, pajakan dan lien (INSTUN 2007).

Sekatan urus niaga pertama ialah sekatan pindah milik. KTN 1965 tidak menyatakan secara khusus berkenaan kontrak jual beli hartanah. Oleh sebab itu, kontrak jual beli ini juga boleh ditafsirkan sebagai satu bentuk urus niaga tanah yang turut dikenali sebagai pindah milik. Walaupun terdapat pindah milik bagi tujuan hadiah ataupun pembahagian harta, tujuan utama pindah milik biasanya adalah bagi urusan jual beli hartanah. TRM tidak boleh dipindah milik kepada orang bukan Melayu kecuali pindah milik bersilang dengan syarat borang-borang pindah miliknya diserahkan

dengan serentak kepada pihak berkuasa pendaftaran (Shah 2017). Keadaan ini berlaku apabila sekeping tanah di bawah pegangan Melayu dimiliki bersama oleh orang Melayu dan orang bukan Melayu dan tanah itu dipecah bahagikan. Maka, nama Melayu dan bukan Melayu akan didaftarkan di dalam tiap-tiap dokumen hak milik sebagai tuan punya tanah. Dalam kes ini, tuan punya tanah boleh memiliki dokumen berasingan yang didaftarkan atas nama masing-masing melalui pindah milik bersilang seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 8(ii), ERM. Pindah milik ini akan didaftarkan oleh pendaftar hakmilik atau pentadbir tanah dengan syarat kesemua memorandum pindah milik diserahkan secara serentak dan jika tuan punya tanah gagal mengemukakan secara serentak maka pendaftar hakmilik atau pentadbir tanah haruslah menolaknya. Pindah milik bersilang antara orang Melayu dan orang bukan Melayu ke atas tanah yang telah dipecah sempadan dibenarkan bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Nik Haslinda 2010).

Sekatan urus niaga kedua ialah sekatan gadaian iaitu gadaian TRM kepada bukan Melayu adalah dilarang dan tidak dibenarkan sama sekali. Walaupun demikian, terdapat satu pengecualian iaitu TRM boleh digadai kepada semua badan-badan yang disenaraikan pada Jadual Kedua ERM Cap 142, MB (Perbadanan) bagi negeri yang tanah itu ditadbirkan dan pada mana-mana koperasi yang diluluskan oleh MB sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 17(1)(a) (INSTUN 2015). Sekiranya tanah yang digadaikan kepada mereka ini terpaksa dilelong, maka perlu dinyatakan hanya orang Melayu sahaja boleh menangkap lelongan tersebut.

Sekatan urus niaga ketiga pula merujuk kepada sekatan pajakan. Hak milik TRM hanya boleh dipajakkan kepada orang Melayu. TRM boleh dipajakkan hanya kepada Melayu, syarikat Melayu dan Menteri Besar (Perbadanan) bagi negeri yang berkenaan sahaja sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 17(1) (b) ERM (INSTUN 2015). Sementara itu menurut Nik Haslinda (2011), bagi negeri Kelantan, perjanjian pajakan daripada orang Melayu kepada orang bukan Melayu boleh dibuat bagi mana-mana tanah yang tidak terletak dalam lingkungan sempadan sebuah bandar yang diisytiharkan di bawah peruntukan-peruntukan enakmen tanah yang berkuat kuasa di negeri Kelantan.

Sekatan urus niaga keempat ialah sekatan lien. Lien diwujudkan apabila tuan punya tanah menyerahkan kepada orang lain dokumen hak milik keluarannya (DHK) sebagai jaminan untuk sesuatu pinjaman (INSTUN 2007). Dalam konteks pengurusan TRM, lien tidak dibenarkan sama ada kepada orang Melayu mahupun kepada orang bukan Melayu.

Sekatan dari Segi Bukan Urus Niaga

Bukan urus niaga pula ialah apa-apa urusan selain daripada urus niaga berkenaan dengan tanah bermilik termasuk kaveat dan perintah larangan. Urusan bukan urus niaga mengikut KTN 1965 yang dibaca bersekali dengan ERM merangkumi enam perkara.

Sekatan pertama ialah kaveat dan perintah larangan. Kaveat dan perintah larangan merupakan bukan urus niaga memandangkan kedua-kedua perkara ini merupakan halangan atau sekatan terhadap urus niaga berdasarkan KTN 1965. Kaveat ialah satu sekatan yang digunakan bagi menghalang pemilik tanah daripada melaksanakan sebarang urus niaga terhadap tanahnya. Pihak yang membuat tuntutan biasanya membuat permohonan ke pejabat tanah bagi memasukkan kaveat ke atas tanah yang dituntut itu sementara kes tuntutannya diselesaikan (Muhammad Fathi 2016). Sementara perintah larangan menurut Seksyen 334 KTN 1965 bermaksud suatu perintah yang dibuat oleh mana-mana mahkamah bagi melarang seseorang penghutang hukuman (*judgement debtor*) daripada menjalankan apa-apa urus niaga terhadap tanah yang dimilikinya atau kepentingan pada tanah yang dipegangnya (Pentadbiran Tanah Johor 2016). Perintah larangan hanya berkuat kuasa selama enam bulan dari tarikh perintah dikeluarkan oleh mahkamah. Tempoh perintah ini boleh dilanjutkan oleh mahkamah dan permohonan hendaklah diserahkan sebelum tamat tempoh.

Orang bukan Melayu tidak dibenarkan untuk memasukkan sebarang kaveat ke atas tanah hak milik pegangan Melayu melainkan orang bukan Melayu berkenaan bertindak sebagai ejen kepada prinsipalnya yang terdiri daripada orang Melayu. Walau bagaimanapun, tidak ada sebarang sekatan dikenakan sekiranya pendaftar memasukkan satu kaveat pendaftar ke atas mana-mana hak milik pegangan Melayu.

Sekatan kedua ialah sekatan perletakhakan. Menurut Seksyen 420 KTN 1965, sebarang perintah perletakhakan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi tidak akan berkuat kuasa selagi perintah itu tidak didaftarkan oleh pendaftar hakmilik atau pentadbir tanah. Dalam kes seandainya seorang Melayu itu diisytiharkan dengan sempurnanya sebagai bankrap, maka tanah pegangan Melayunya tidak boleh didaftarkan perletakkannya kepada ketua pengarah insolvensi – pegawai pemegang hak mengikut Akta Kebankrapan 1967. Oleh itu jika permohonan dibuat oleh ketua pengarah insolvensi di bawah Seksyen 349 KTN 1965 untuk meletak hak tanah pegangan Melayu itu kepadanya, permohonan itu hendaklah ditolak. Walau bagaimanapun, pendaftar boleh memasukkan satu kaveat Pendaftar bagi melindungi kepentingan kerajaan Persekutuan ke atas pegangan Melayu itu.

Sekatan ketiga ialah penahanan iaitu mana-mana hak milik pegangan Melayu tidak boleh ditahan bagi menyempurnakan satu dekri atau perintah oleh mana-mana mahkamah sekiranya dekri atau perintah itu bermaksud untuk diberikan kepada bukan Melayu. Abdul Aziz (2018) menjelaskan dengan lebih lanjut bahawa menurut Seksyen 13 ERM, pegangan Melayu tidak boleh ditahan dalam menyempurnakan perintah mahkamah melainkan prosiding itu dimulakan sebelum ERM berkuat kuasa.

Sekatan keempat ialah amanah. Mengikut Seksyen 14 ERM, orang Melayu tidak boleh mewujudkan apa-apa amanah yang memberi faedah kepada bukan Melayu. Sekatan ini terpakai jika melibatkan hak milik pegangan Melayu.

Sekatan kelima ialah pemberian probat di bawah Seksyen 15 yang menyebut tiada apa jua probat atau surat kuasa mentadbir boleh meletak hak mana-mana pegangan Melayu kepada bukan Melayu. Sekatan terakhir ialah surat kuasa wakil iaitu apa-apa borang urus niaga yang melibatkan hak milik pegangan Melayu yang ditandatangani oleh orang bukan Melayu yang bermaksud bertindak sebagai wakil kepada tuan punya adalah tidak sah dan tidak boleh didaftarkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan huraian terperinci mengenai pemasalahan endorsan tanah rizab serta cadangan penyelesaian bagi memperkasakan pengurusan endorsan TRM. Negeri Selangor dipilih sebagai kawasan kajian kerana mempunyai populasi penduduk tertinggi di Malaysia, kepadatan kaum yang pelbagai serta kadar pembangunan yang pesat. Tambahan pula, keluasan TRM yang tinggi di Selangor memberikan cabaran kepada kerajaan negeri dalam usaha mengekalkan dan menguruskan kawasan TRM. Kawasan TRM di Selangor pada tahun 2023 adalah seluas 443,856 ekar iaitu 22% daripada jumlah keseluruhan tanah di Selangor, 2,001,539.44 ekar (Dewan Negeri Selangor 2023).

Terdapat dua sumber data yang menyokong kajian ini. Sumber pertama ialah data sekunder yang diperoleh menerusi kajian perpustakaan dengan merujuk akta, jurnal, buku ilmiah, portal rasmi jabatan kerajaan dan sebagainya. Sumber kedua ialah data primer yang diperoleh menerusi temu bual separa berstruktur secara bersemuka dengan responden terpilih. Temu bual separa berstruktur secara bersemuka dilakukan agar responden dapat memberikan penerangan yang lebih fleksibel bagi setiap soalan yang dikemukakan. Pemilihan responden dibuat mengikut kaedah persampelan bertujuan. Menurut Cresswell dan Clark

(2011), persampelan bertujuan melibatkan individu atau kumpulan yang amat berpengetahuan dan berpengalaman dalam fenomena yang dikaji. Responden kajian dipilih berdasarkan keterlibatan mereka menguruskan TRM dalam kerja harian mereka yang merangkumi pengisytiharan pewartaan kawasan TRM sehingga TRM sempurna diendorskan. Kod responden digunakan iaitu R1 hingga R10 bagi mewakili setiap responden. Seterusnya dapatan temu bual dianalisis secara deskriptif iaitu berbentuk keterangan, pandangan dan kenyataan responden. Perincian 10 responden yang ditemu bual dalam kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Maklumat responden

Kod responden	Agensi	Jawatan	Pengalaman kerja
R1	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	Pengarah UPEN	16–20 tahun
R2	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)	Pegawai Daerah Gombak	6–10 tahun
R3		Ketua Penolong Pegawai Daerah Klang (Pengurusan Tanah)	1–5 tahun
R4		Penolong Pegawai Daerah Petaling (Unit Pelupusan Tanah)	6–10 tahun
R5		Penolong Pegawai Daerah Klang (Unit Pelupusan Tanah)	6–10 tahun
R6		Penolong Pegawai Daerah Klang (Unit Pendaftaran)	6–10 tahun
R7	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	Penolong Pegawai Daerah Gombak (Unit Pendaftaran)	6–10 tahun
R8		Penolong Pengarah (Bahagian Korporat Audit Pengurusan Tanah dan Inovasi)	1–5 tahun
R9		Penolong Pengarah (Bahagian Pendaftaran Hakmilik)	1–5 tahun
R10		Pembantu Tadbir Kanan (Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah)	Lebih 20 tahun

DAPATAN KAJIAN

Isu Pelaksanaan Endorsan TRM

Hasil temu bual mendapati empat isu yang menyebabkan endorsan TRM tidak dilaksanakan atau lewat dilaksanakan pada dokumen hak milik iaitu ketidakfahaman terhadap peruntukan Enakmen Rizab Melayu, kurang komitmen dalam melaksanakan endorsan, keperluan kakitangan teknikal dan rekod pewartaan TRM yang tidak lengkap.

Ketidakfahaman terhadap peruntukan Enakmen Rizab Melayu

Hampir kesemua responden iaitu R1, R2, R3, R6, R7 dan R10 menyatakan tentang ketidakfahaman pegawai bertanggungjawab menjadi punca endorsan TRM tidak dibuat pada dokumen hak milik. Hal ini berlaku kerana sebilangan pegawai di peringkat PDT dan PTGS tidak menyedari kepentingan endorsan TRM. Sebarang urusan urus niaga dan bukan urus niaga bagi sesuatu hakmilik yang tiada endorsan TRM akan diproses seperti biasa, walhal ia perlu diproses berpandukan ERM setelah endorsan disempurnakan.

R1 dan R10 memberikan penerangan lanjut bahawa antara punca lain yang menyumbang kepada ketidakfahaman pegawai adalah kerana pertukaran tempat bertugas pegawai yang bertanggungjawab. Ilmu pengetahuan berkenaan pentadbiran dan pembangunan tanah seperti peruntukan ERM memerlukan masa untuk dipelajari dan difahami. Pengalaman menghadapi kes-kes tuntutan di mahkamah turut membantu meningkatkan lagi kefahaman mengenai sesuatu kes tanah.

Apabila seseorang pegawai yang menguruskan TRM tidak mempunyai pengalaman berkenaan pentadbiran dan pembangunan tanah, sudah pastinya ketidakfahaman beliau mengenai peruntukan ERM menjadi kekangan dalam melaksanakan tugas seharian yang akhirnya menyebabkan endorsan TRM pada dokumen hak milik tidak disempurnakan.

Kurang komitmen dalam melaksanakan endorsan

Menurut R4, R5, R8 dan R10, PDT dan PTGS lebih menumpukan perhatian terhadap isu penggantian kawasan TRM yang dibatalkan berbanding endorsan TRM pada dokumen hak milik. Hal ini adalah kerana penggantian kawasan TRM sering kali dibangkitkan oleh pengarah PTGS setiap kali Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Selangor bersama Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor.

Dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini bermula tahun 2014 sehingga 2018, mesyuarat berkenaan lebih menekankan penggantian kawasan TRM sedangkan Laporan Ketua Audit Negara 2013 turut menegur tentang ketiadaan endorsan TRM pada dokumen hak milik.

Menurut R8 dan R10 lagi, bagi memastikan penggantian dilaksanakan, PTGS turut mewujudkan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (JKPPTRM) Negeri Selangor yang bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun. Mesyuarat JKPPTRM ini dipengerusikan oleh Pengarah PTGS dan ahli mesyuaratnya terdiri daripada wakil semua PDT, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan bahagian dalaman PTGS. Pemantauan secara berkala oleh JKPPTRM ini menunjukkan hasil apabila kawasan TRM yang telah dan akan dibatalkan, dibincangkan dan diganti sewajarnya selaras dengan Perkara 89(3) Perlembagaan Persekutuan.

Jadual 2 menunjukkan keluasan kawasan TRM di Selangor sebelum merdeka, selepas merdeka dan data keluasan TRM pada tahun 2019. Data keluasan sebelum dan selepas merdeka diperoleh daripada buku TRM oleh PTGS tahun 2016 sementara data tahun 2019 diperoleh daripada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu Negeri Selangor Bil. 1/2019.

Jadual 2: Keluasan kawasan TRM di Selangor sebelum merdeka, selepas merdeka dan data keluasan TRM pada tahun 2019

Daerah	Sebelum merdeka (ekar)	Selepas merdeka (ekar)	Keluasan tahun 2019 (ekar)
Klang	21,002.06	63.5	21,074.5
Petaling	2,685.00	137.68	2,822.68
Gombak	11,564.95	922.00	13,376.6856
Hulu Langat	33,468.38	299.00	33,795.29
Kuala Langat	32,684.72	4,295.87	37,530.84
Kuala Selangor	59,313.758	270.123	60,88.041
Sepang	27,632.24	3,739.294	31,370.6886
Hulu Selangor	37,381.24	2,089.21	37,852.83
Sabak Bernam	158,503.77	193.151	158,696.92
Jumlah keluasan (ekar)	384,236.12	12,010.428	397,328.48

Merujuk Jadual 2, dapatlah disimpulkan bahawa komitmen tinggi oleh pihak PDT dan PTGS dibuktikan dengan pertambahan keluasan kawasan TRM di negeri Selangor yang kini seluas 397,328.48 ekar iaitu lebih 13,092.36 ekar berbanding dengan keluasan TRM sebelum merdeka iaitu 384,236.12 ekar.

Komitmen tinggi para pegawai dan sokongan pihak atasan berhubung dengan penggantian ini perlu diterapkan untuk melaksanakan endorsan TRM pada dokumen hak milik. Kelalaian dalam melaksanakan endorsan TRM ini akan merugikan orang Melayu dan boleh menyebabkan TRM menyusut atau hilang pada hari kemudian.

Keperluan kakitangan teknikal

Isu ketiga dalam pelaksanaan endorsan TRM seperti dinyatakan oleh R3, R6, R7 dan R9 ialah tiada jawatan kakitangan seperti PPT di unit pendaftaran di semua PDT. PPT merupakan salah satu jawatan utama dalam sesebuah PDT memandangkan peranan PPT adalah untuk menjalankan tugas-tugas pentadbiran tanah di peringkat kumpulan sokongan dan membantu untuk mengesahkan sama ada sesuatu hak milik itu berada di dalam atau di luar kawasan TRM.

PPT boleh melaksanakan tugas terakhir dengan membuat semakan bagi setiap urusan yang dikemukakan ke unit pendaftaran sebelum apa-apa urusan endorsan dilakukan. Peranan PPT dalam menyemak status TRM bagi setiap permohonan yang dilaksanakan di PDT amat penting dan dapat memastikan endorsan ke atas TRM dilaksanakan. Sekiranya tiada pengesahan akhir daripada pihak PPT, endorsan TRM akan tetap menjadi suatu masalah yang tidak dapat diselesaikan. Oleh yang demikian, R7 menyatakan bahawa penempatan seorang kakitangan teknikal sama ada PPT atau mana-mana kakitangan yang memahami atau mempunyai pengalaman dalam urusan teknikal dan pentadbiran tanah untuk melaksanakan tugas ini adalah sangat diperlukan.

R6 pula menyatakan bahawa pendaftar perlu mengambil inisiatif sendiri untuk memahami dan mengetahui tentang kepentingan endorsan TRM ini. Di PDT Klang, pihak pengurusan atasan telah membuat satu penambahbaikan dengan memastikan sekurang-kurangnya seorang pendaftar di unit pendaftaran memahami secara asas pelan daerah Klang dan mengambil maklum kawasan TRM yang sedia ada tanpa perlu merujuk kepada PPT terlebih dahulu. Walaupun inisiatif ini kelihatan mudah untuk dilaksanakan, namun ia memakan masa memandangkan pendaftar perlu disiapkan dengan ilmu pengetahuan kakitangan teknikal.

Rekod pewartaan TRM yang tidak lengkap

Rekod merupakan perkara penting dalam sesuatu pengurusan pentadbiran tanah. Jika dilihat pada rekod terkini TRM, masih ada TRM yang tidak mempunyai data yang lengkap dan tidak dikemas kini. Terdapat beberapa isu berkaitan rekod pewartaan TRM seperti pelan yang tidak terdapat pada rekod dan rekod pembatalan TRM yang telah hilang.

Perkara ini dinyatakan sendiri oleh R8 sedangkan beliau merupakan pegawai yang bertanggungjawab untuk mengumpul data dan menjaga maklumat TRM bagi pihak PTGS. R8 turut menyatakan bahawa rekod pewartaan TRM tidak lengkap kerana tiada satu pelan yang lengkap dimiliki oleh mana-mana daerah di Selangor ekoran perubahan sempadan yang berlaku.

Menurut R7 pula, terdapat sebahagian TRM yang telah diwartakan dan diisytiharkan namun tidak dilampirkan dengan pelan yang lengkap berkemungkinan kerana tiadanya peralatan penyediaan pelan dan perubahan daerah seperti daerah Gombak yang hanya wujud pada tahun 1974 selepas keluarnya Kuala Lumpur dari negeri Selangor.

Perubahan ini turut mengakibatkan perpindahan jabatan kerajaan dari Jinjang, Kuala Lumpur ke Bandar Baru Selayang, Selangor. Perpindahan jabatan ini melibatkan peralihan dokumen-dokumen termasuk pelan TRM. Hal ini dibuktikan apabila R7 memaklumkan bahawa terdapat beberapa pelan TRM yang tidak dijumpai dalam simpanan jabatan sedangkan rekod di unit pelupusan ada menyatakan tentang TRM tersebut.

Sekiranya data yang ada ini tidak lengkap dan tidak dikemas kini, pastinya pemakluman yang tidak tepat ini akan mengundang isu yang lebih buruk seperti tuntutan mahkamah, kehilangan TRM kepada bukan Melayu dan TRM terus dilabel sebagai penghalang kepada permohonan pembangunan. R5 menyatakan bahawa terdapat isu tuntutan mahkamah berkaitan TRM yang menyukarkan kerajaan negeri kerana terpaksa melaksanakan pembatalan TRM ekoran rekod pewartaan yang tidak lengkap.

Penggantian kawasan TRM merupakan kaedah terbaik dalam menyelesaikan isu kehilangan TRM melalui tuntutan mahkamah tetapi sekiranya data dan rekod TRM ini lengkap, kehilangan tersebut tidak akan dihadapi dan boleh dielakkan. Endorsan TRM pada dokumen hak milik menjamin kelangsungan TRM bagi tanah-tanah yang berada di daerah.

Selain itu, permasalahan kelemahan berkaitan rekod TRM juga adalah disebabkan oleh pengurusan rekod yang lemah di pejabat-pejabat tanah, contohnya penyelenggaraan dan pengemaskinian data (penyelarasan) antara pejabat tanah dan JUPEM. Satu lagi isu yang ketara berkaitan kelemahan pengurusan data ialah endorsan atau memori data yang tertinggal semasa proses pemindahan atau pertukaran daripada hak milik manual kepada hak milik berkomputer. Isu ini turut mencakupi aspek perundangan iaitu hak milik tidak boleh disangkal sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 340 KTN 1965 apabila endorsan atau memori

yang sepatutnya dimasukkan tidak dibuat kemasukan akibat “tercicir” semasa proses pertukaran hak milik.

Penambahbaikan Pengurusan Endorsan TRM

Hasil temu bual bersama responden, terdapat tiga kaedah penyelesaian bagi mengatasi isu dan masalah endorsan TRM:

Pengemaskinikan data dengan kerjasama jabatan luar dan pengukuran semula kawasan TRM

Bagi memastikan segala data berkaitan TRM yang merangkumi pelan TRM dikemas kini, kerjasama PDT dan PTGS bersama pihak JUPEM dan Arkib Negara Malaysia (ANM) adalah salah satu kaedah penyelesaiannya. Menurut R5, R7 dan R8, pihak JUPEM dan ANM telah memberikan kerjasama kepada PDT dan PTGS dengan mengemukakan pelan yang ingin diperoleh berdasarkan rekod terakhir yang ada di PDT dan PTGS.

Dengan adanya maklumat tersebut, pihak JUPEM dan ANM telah pun membantu menyelesaikan isu rekod TRM yang telah diisytiharkan dan diwartakan, namun tidak mempunyai pelan kawasan TRM yang lengkap.

Selain itu, pihak JUPEM dan ANM turut meluaskan perkhidmatan dengan memberikan pemakluman dengan kadar segera kepada PDT yang memohon pelan pewartaan kawasan TRM. Walaupun pencarian di ANM memakan masa, isu untuk melengkapkan pelan TRM perlu diteruskan kerana itulah satu-satunya sumber yang dipercayai untuk mendapatkan pelan tersebut.

Selanjutnya menurut R8, sekiranya pihak JUPEM dan ANM tidak dapat mengemukakan rekod pelan seperti yang diminta, maka PTGS akan mencadangkan pengukuran semula kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan dan diwartakan sebagai TRM untuk memastikan setiap TRM berkenaan dikekalkan, dan kemudian ditanda dalam pelan syit di unit pelan semua PDT dan akhirnya diendors pada dokumen hak milik demi kelangsungan TRM di Selangor.

Pengukuran kawasan TRM dilaksanakan dengan menggunakan juruukur berlesen melalui bantuan kewangan daripada pihak perbendaharaan negeri untuk pembayaran kerja-kerja pengukuran. Strategi pengukuran tapak ini perlu ditekankan dalam memastikan setiap tapak TRM lengkap dengan pelannya dan dijadikan panduan untuk tujuan endorsan.

Menempatkan PPT di unit pendaftaran

Seperti yang dinyatakan oleh R3, R7 dan R9, penempatan PPT di unit pendaftaran sememangnya membantu dalam mengemas kini dan melengkapkan endorsan TRM di PDT. Seperti di PDT Gombak, pentadbir tanah telah menekankan bahawa penempatan PPT di unit pendaftaran sebagai satu perkara wajib dalam menyelesaikan isu endorsan TRM ini. PPT turut dibantu oleh pembantu tadbir kanan bagi menyemak dan membuat pengesahan status tanah dalam sesuatu urusan tanah di PDT.

Selain itu, R6 bersetuju supaya seorang PPT ditempatkan di unit pendaftaran dengan melihat situasi di PDT Gombak yang menempatkan seorang PPT bagi membantu ulasan teknikal yang sangat diperlukan. Penempatan PPT sememangnya membantu dalam penyelesaian endorsan TRM ini. Pengesahan PPT amat penting sebagai langkah terakhir sesebelum sesuatu hak milik dalam kawasan TRM ini diurusniagikan.

Meningkatkan kefahaman dan komitmen melalui penglibatan pengurusan atasan

Menurut R1, R2, R3, R6, R7 dan R10, pengurusan atasan yang terdiri daripada pentadbir tanah dan pemegang taruh yang menyatakan komitmen dalam penekanan endorsan TRM sangat membantu dan memudahkan cara endorsan TRM ini.

Dengan adanya komitmen daripada pengurusan atasan, segala keputusan penting dapat dilaksanakan dengan mudah dan terperinci. Komitmen seperti penekanan kepada penggantian dan endorsan TRM perlu kerap dinyatakan dalam mesyuarat pengurusan dalam memastikan perkara berkaitan endorsan ini diteruskan.

Selain itu, komitmen pengurusan tertinggi dalam melaksanakan endorsan ini boleh dibuat dengan memastikan laporan berkala perlu dihantar dan dikemas kini di peringkat PDT dan diselaraskan di peringkat PTGS.

Laporan berkala yang dibentangkan dalam mesyuarat yang diadakan seperti Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Selangor bersama Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor boleh memastikan endorsan TRM ini terus-menerus dilaksanakan kerana komitmen kakitangan bawahan bermula dengan komitmen dan sokongan pihak yang mempunyai kuasa dan pengaruh besar dalam pentadbiran tanah.

Penglibatan pengurusan atasan juga adalah penting untuk meningkatkan kefahaman pegawai di bawah seliaannya. Menurut R4, R5 dan R8, hal ini dapat dilaksanakan apabila pengurusan atasan memainkan peranannya dengan menyampaikan sebarang keputusan mesyuarat berkenaan TRM secara amnya dan endorsan TRM secara khususnya kepada kakitangan bawahan. Selain itu, pengurusan atasan juga boleh mengarahkan sesi perkongsian ilmu diadakan supaya sebarang ilmu berkenaan TRM disampaikan kepada kakitangan bawahannya.

KESIMPULAN

TRM ialah satu kawasan yang istimewa memandangkan TRM dikhaskan untuk orang Melayu sahaja. Pewujudan kawasan TRM ini bukanlah suatu perkara yang baharu memandangkan ERM asalnya digubal pada tahun 1913 sebelum pindaan pada tahun 1933 dan 1935. Jika dilihat pada konteks tempoh masa yang melebihi 100 tahun, seharusnya endorsan TRM pada dokumen hak milik tidak lagi menjadi isu utama yang perlu diselesaikan pada masa kini. Kepentingan penjagaan TRM ini sering dibangkitkan sama ada oleh Raja-Raja Melayu atau pertubuhan bukan kerajaan berdasarkan laporan di media-media massa. Sehubungan itu, PDT dan PTGS perlu memainkan peranan masing-masing secara berkesan memandangkan kedua-dua jabatan ini merupakan jabatan utama yang bertanggungjawab menguruskan TRM.

Objektif pertama untuk mengkaji isu dan masalah pelaksanaan endorsan TRM pada dokumen hak milik dapat dicapai dengan penemuan empat masalah melalui sumber sekunder iaitu kelemahan aspek pengurusan, kekurangan maklumat dan data, kekangan masa kakitangan serta kelemahan dalam kerja-kerja pemantauan pengurusan. Manakala empat isu pelaksanaan endorsan TRM daripada dapatan sumber primer merangkumi ketidakfahaman terhadap peruntukan ERM, kurang komitmen dalam melaksanakan endorsan, keperluan kakitangan teknikal dan rekod pewartaan TRM yang tidak lengkap.

Rentetan penemuan empat isu pelaksanaan endorsan TRM, tiga cadangan penambahbaikan telah dikemukakan sekali gus menjawab objektif dua kajian. Dalam usaha memperkasakan pengurusan endorsan TRM, pengemaskinian data perlulah ditingkatkan dari semasa ke semasa melalui jalinan kerjasama dengan jabatan luar serta melaksanakan pengukuran semula kawasan TRM. Cadangan seterusnya adalah untuk menempatkan PPT di unit pendaftaran dan cadangan terakhir adalah untuk meningkatkan kefahaman dan komitmen melalui penglibatan pengurusan atasan.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan sepenuh penghargaan kepada Encik Jaiya bin Abu, Pengarah Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan yang telah menyemak kandungan perundangan tanah dalam manuskrip ini. Penyelidikan ini tidak menerima sebarang pembiayaan penyelidikan.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Mohd Johdi, 2018. Kedudukan Tanah Rizab Melayu dan pembangunan tanah dalam kawasan rizab Melayu. <https://pintu.instun.gov.my/assets/file/attachment/dc5pzQWczJR2tdO74WHWaRCNp6IrJBo6.pdf> (accessed 18 July 2022).
- AGA Development Sdn Bhd vs Kerajaan Negeri Selangor & Ors [2024] MLJU 3052. 2024. <https://advance-lexis-com.ezproxy.utm.my/api/permalink/21ac81df-1469-49ce-9867-1d60b2faf8a8/?context=1522468> (accessed 14 April 2025).
- Azima Abdul Manaf, N. Lyndon, S. Selvadurai, Mohd Yusof Hussain, Zaimah Ramli, Sarmila Md. Sum, Suhana Saad, Mokhtar Jaafar and Mohd Fuad Mat Jali. 2015. Faktor penghalang pembangunan Tanah Rizab Melayu. *Malaysian Journal of Society and Space* 11(8):100–109.
- Cresswell, J.W. and V.L.P. Clark. 2011. *Designing and conducting mixed-method research*. 2nd ed. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Dewan Negeri Selangor. 2023. Tanah Rizab Melayu (TRM), Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Kelima Belas Tahun 2023. <https://dewan.selangor.gov.my/question/tanah-rizab-melayu-trm-9/>
- INSTUN. 2007. Konsep urusanniaga di bawah Kanun Tanah Negara, 1965. <https://pdttapah.perak.gov.my/images/linkdownload/Konsep-Urusniaga-Dibawah-Kanun-Tanah-Negara-1965.pdf> (accessed 21 May 2021).
- _____. 2015. Intisari Enakmen Rizab Melayu. <https://pintu.instun.gov.my/artikel/papar/intisari-enakmen-rizab-melayu> (accessed 24 April 2021).
- Ismail Sualman. 2019. Benarkah penjawat awam terlalu ramai? *Sinar Harian*. 24 March. <https://www.sinarharian.com.my/article/19830/KOLUMNIS/Benarkah-penjawat-awam-terlalu-ramai> (accessed 23 April 2021).
- Jabatan Audit Negara Malaysia. 2013. Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor, aktiviti jabatan/agensi dan pengurusan syarikat kerajaan negeri Selangor siri 2. Kuala Lumpur: Jabatan Audit Negara Malaysia.
- _____. 2019. Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak siri 2, aktiviti jabatan dan pengurusan syarikat kerajaan negeri. <https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2021-09-28/CMD.24.2021%20-%20CMD%2024.2021.pdf> (accessed 18 July 2022).
- Mohamed Khairi Termizi and Mazlan Ismail. 2018. Isu pembangunan Tanah Rizab Melayu berpemilikan bertindih. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities* 3(1): 91–99.

- Mohd Fathi Yusof. 2016. Undang-undang tanah di Malaysia. <https://people.utm.my/fathi/wp-content/blogs.dir/561/files/2016/09/E-BOOK-FATHI-YUSOF-UNDANG-UNDANG-TANAH-DI-MALAYSIA.pdf> (accessed 17 May 2021).
- Mohd Hasrol Haffiz Aliasak. 2017. *Tanah Rizab Melayu: Sejarah dan cabaran*. <http://tanah.perak.gov.my/ptgperak/contents/pfoi2017/slide-lab-3/KERTAS%20KERJA%20TANAH%20RIZAB%20MELAYU%20-%207.9-2017.pdf> (accessed 16 April 2021).
- Mohd Hasrol Haffiz Aliasak. 2019. Isu, cabaran dan strategi membangunkan Tanah Rizab Melayu. *Konvensyen Tanah Rizab Melayu*. UiTM Shah Alam. 28 February.
- Nik Haslinda Nik Hussain. 2010. Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan dan pemilikan tanah, 1930–40. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities* 17: 37–64.
- _____. 2011. *Pentadbiran kolonial dan isu pemilikan tanah di Kelantan 1881–1941*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nor Asiah Mohamad and Bashiran Begum Mubarak Ali. 2009. The prospects and challenges of Malay Reservation Land in the 21st century. *Malaysian Journal of Real Estate* 4(2): 1–16.
- Nur Rafhanah Ibrahim@Mohd Jamal. 2015. Custodianship pengurusan tanah rezab Melayu. Degree diss., Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurnabihah Zulkapar. 2016. Prospek dan cabaran bagi mengekalkan status Tanah Rizab Melayu pada abad ke-21. Degree diss., Universiti Teknologi Malaysia.
- Pekeliling Pengaruh Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/2018. Proses kelulusan bagi permohonan pecah sempadan, pecah bahagian dan penyatuan tanah di negeri Selangor.
- Pentadbiran Tanah Johor. 2016. Kaveat. <https://ptj.johor.gov.my/index.php/bahagian/pendaftaran/kaveat> (accessed 24 April 2021).
- Rohayati Hussin and Rusnadewi Abdul Rashid. 2014. Dilema pembangunan Tanah Rizab Melayu: Satu warisan atau satu tangisan? Technology, Science, Social Sciences and Humanities International (TeSSH) Conference, Langkawi, Kedah, Malaysia. 5–6 November.
- Ruwaida Md Zain. 2020. Apa sudah jadi dengan Tanah Rizab Melayu?. *MyMetro*. 18 April 2021. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/09/621641/apa-sudah-jadi-dengan-tanah-rizab-melayu-metrotv> (accessed 21 September 2021).
- Shah Nursyahmiainan. 2017. Konsep tanah simpanan Melayu dan peruntukannya seperti yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan. Tugas kursus. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Utusan Borneo Online*. 2019. Segera gubal dasar pengurusan stress negara. 24 October. <https://www.utusanborneo.com.my/2019/10/24/segera-gubal-dasar-pengurusan-stres-negara> (accessed 23 April 2021).